

**METODOLOGI PENGHAKIMAN DAN
PENULISAN TEKS ALASAN PENGHAKIMAN
HAKIM SYARIE MELALUI PENDEKATAN
ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH DI
MALAYSIA**

**The Methodology of Judgment and Grounds of
Judgment's Text Writing by Syariah Judges
According to Syariah Court Practice Directions
Approach in Malaysia**

**Zulzaidi Mahmud¹
Ahmad Hidayat Buang²**

ABSTRACT

The judgment and the grounds of judgment's text writing by Syariah Judges are important aspects of justice in the Syariah Courts' proceedings. The purpose of this research paper is to observe the methodology of judgment and grounds of judgment's text writing by Syariah Judges according to Syariah Court's Practice Directions. The research method applied in this paper is based on qualitative approach. This study has revealed that there are some approaches in Syariah

¹ Ph.D Candidate, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. zulzaidi86@gmail.com

² Professor, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. ahidayat@um.edu.my

Court's Practice Directions that need to be referred by the Syariah Judges in preparing judgments and in the grounds of judgment's text writing. Department of Syariah Judiciary Malaysia has taken the initiative to explain and conduct training about the application of Syariah Court's Practice Directions participated by all Syariah Officers including Syariah Judges throughout Malaysia. Therefore, the Syariah Judges can comply with the implementation of this matter accordingly. Educating the Syariah Judges about such a matter constantly may improve the skills and enhance the competency of Syariah Judges.

Keywords: *judgment, grounds of judgment, Syariah judge, Syariah court, practice directions*

PENDAHULUAN

Malaysia mempunyai dua jenis institusi kehakiman yang berbeza, iaitu institusi kehakiman sivil dan institusi kehakiman Syariah bagi menjalankan proses keadilan. Pentadbiran kedua-dua institusi ini adalah berbeza untuk memastikan bidang kuasa institusi kehakiman Syariah terpelihara sebagaimana diperuntukkan di bawah artikel 121(1A)³ Perlembagaan Persekutuan. Pindaan artikel ini telah dilakukan pada tahun 1988.⁴ Institusi kehakiman Syariah di Malaysia melalui peranan Mahkamah Syariah Negeri (MSN) mempunyai fungsi yang jelas sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri.⁵ MSN di Malaysia ditadbir di bawah bidang kuasa negeri-negeri.⁶ Perwujudan institusi ini bertujuan untuk memastikan

³ Artikel 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, '*mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah*'.

⁴ Abdullah@Alwi Haji Hassan, 'Ijtihad dan Peranannya dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-Undang Syariah di Dunia Islam Masa Kini,' *Jurnal Syariah*, vol. 15/2 (2007): 16.; Abdul Monir Yaacob, 'Perlaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian,' *Jurnal Fiqh*, vol. 6 (2009): 10.

⁵ Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri.

⁶ Tajul Aris Ahmad Bustami, 'Bidangkuasa Mahkamah Syariah Dalam Kes Perwarisan: Satu Analisis Kritikal Ke Atas Kes Jumaaton Lwn Raja

keadilan ditegakkan melalui institusi yang diiktiraf dan dilaksanakan oleh pihak yang kompeten.⁷ Sesebuah institusi kehakiman Islam memerlukan kepada beberapa elemen utama seperti mahkamah, Hakim Syarie, pegawai mahkamah, pendaftar mahkamah, bailif, Peguam Syarie, Pendakwa Syarie dan sebagainya.⁸ Hakim Syarie mempunyai peranan utama di MSN untuk memutuskan sesuatu kes berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa. Keyakinan diri, ilmu pengetahuan yang tinggi dan kerajinan membaca serta menulis menjadi pra syarat melahirkan Hakim Syarie yang Profesional.⁹ Kredibiliti seorang Hakim Syarie adalah perkara penting dalam membuat keputusan dan penghakiman serta alasan penghakiman.¹⁰ Pengumpulan data dalam penulisan makalah ini dilakukan secara kepustakaan dan dokumentasi arahan amalan yang telah dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Penyelidikan dilakukan melalui metodologi kualitatif terhadap pemakaian arahan amalan yang digunakan di Mahkamah Syariah yang berkaitan penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman (AP). Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan berkenaan metodologi penghakiman dan penulisan teks AP daripada perspektif arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM.

Hizaruddin,' dalam *Kaedah Perundangan Bidangkuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, eds. Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 37.

⁷ Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, 'Wakalah Peguam Syarie Terhadap Permohonan Status Pengesahan Agama di Negeri Sarawak Berdasarkan Pendekatan Maqasid Al-Syariah,' dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan*, ed. Nasimah Hussin (Malaysia: JKSM & UIAM, 2021), 454.

⁸ Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, 'Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan,' *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*, vol. 1/2 (2016): 202.

⁹ Ghazali Abdul Rahman, 'Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian,' *Jurnal Hukum*, vol. XIX/2 (2005): 212.

¹⁰ Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, 'Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan,' 212.

PENGHAKIMAN DAN PENULISAN TEKS ALASAN PENGHAKIMAN HAKIM SYARIE MENURUT PERSPEKTIF KEHAKIMAN SYARIAH

Kehakiman dalam perundangan Islam atau lebih dikenali dengan istilah *al-Qadā'* merupakan tanggungjawab pemerintah dalam sesebuah negara yang merupakan fardhu ain ke atas pemerintah untuk memelihara kemaslahatan dunia dan ummah.¹¹ Fungsi kehakiman yang dinyatakan oleh Ibn Farḥūn antaranya adalah membantu orang yang dizalimi, menyelesaikan perbalahan dan merupakan perbuatan yang ma'ruf dan mencegah daripada kemungkaran.¹² Ibn Qudāmah juga menambah fungsi kehakiman adalah menunaikan hak kepada yang berhak dan menjauhkan orang zalim daripada kezalimannya.¹³ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī daripada mazhab Shāfi'ī telah mendefinisikan *al-Qadā'* sebagai menghukumkan di antara dua orang yang bersengketa atau lebih dengan hukum Allah S.W.T.¹⁴ Muḥammad al-Zuhaylī menyatakan perkara yang sama dengan al-Sharbīnī pada takrifan *al-Qadā'* dan menambah bahawa kehakiman juga boleh berlaku tanpa ada pertikaian seperti berhubung pada hak-hak Allah S.W.T.¹⁵ Ibn Farḥūn pula mendefinisikan *al-Qadā'* iaitu memberitahu berkenaan Hukum Syarak dengan jalan *ilzām* (mengikat).¹⁶ Perbincangan Hukum Syarak berkenaan penulisan AP tidak dibincangkan secara bab khusus dalam kitab-kitab fiqh. Walau bagaimanapun perbincangan berkenaan penulisan rekod prosiding perbicaraan dan keputusan kes dibincangkan di dalam bab *al-Sijjilāt*, *al-Maḥḍar* dan *Kitāb al-Qaḍī ilā al-Qaḍī* sebagaimana dibincangkan oleh `Abd al-Karīm Zaydān,¹⁷ Ibn Qudāmah¹⁸ dan al-Ḥusaynī.¹⁹ *al-Maḥḍar*

¹¹ Muḥammad al-Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, jil. 5 (Damsiyq: Dār al-Qalam, 2011), 373.

¹² Ibn Farḥūn, *Tabṣīrah al-Ḥukkām fī Uṣūl al-Aqḍīyah wa Manāhij al-Aḥkām*, jil. 1 (Riyadh: Dār `Ālam al-Kutub, 2003), 10.

¹³ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī* (Lubnan: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah, 2004), 2507.

¹⁴ Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma`ānī Alfāz al-Minhāj*, jil. 4 (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 497.

¹⁵ Muḥammad al-Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, 370.

¹⁶ Ibn Farḥūn, *Tabṣīrah al-Ḥukkām*, 9.

¹⁷ `Abd al-Karīm Zaydān, *Nizām al-Qaḍā' fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn, 2011), 219.

¹⁸ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 2533.

¹⁹ Taqī al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaynī, *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥallī Ghāyah al-Ikhtisār* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001), 737.

bermaksud catatan perbicaraan manakala *al-Sijjil* bermaksud penulisan penghakiman.²⁰ Berdasarkan perbincangan ringkas ini menunjukkan bahawa proses kehakiman yang digariskan oleh perundangan Islam telah dibuat secara teratur sehingga penghakiman diputuskan oleh hakim bagi mengikat pihak-pihak untuk melaksanakannya.

Kehakiman Syariah di Malaysia juga telah mengimplimentasi konsep kehakiman dan penghakiman yang digariskan menurut perspektif kehakiman Islam berdasarkan kerangka di Malaysia. Hakim Syarie yang menjalankan fungsi keadilan untuk memutuskan penghakiman hendaklah menggunakan undang-undang yang berkuatkuasa. Panduan utama dalam prosiding dan perbicaraan di MSN adalah undang-undang utama (*substantive law*) dan undang-undang prosedur (*procedural law*). Kegagalan mematuhi undang-undang dan Hukum Syarak akan menyebabkan penghakiman atau keputusan seseorang Hakim Syarie itu dipertikai dan dirayu.²¹ Undang-undang digunakan adalah seperti Enakmen/ Ordinan/Akta pentadbiran agama Islam, keluarga Islam, tatacara mal, jenayah Syariah, tatacara jenayah Syariah dan lain-lain. Terdapat juga undang-undang lain yang digunakan dalam penghakiman di Mahkamah Syariah antaranya Akta Surat Wakil 1949 (Akta 424),²² Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452),²³ Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960,²⁴ Kanun Tanah Negara,²⁵ Akta Setem 1949,²⁶ Akta Probet²⁷ Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan lain-lain. Selain itu, panduan arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM dan diterima di peringkat negeri juga akan digunakan dalam proses penghakiman di MSN.

²⁰ `Abd al-Karīm Zaydān, *Nizām al-Qaḍā` fī al-Sharī`ah al-Islāmiyyāh*, 219.

²¹ Ghazali Abdul Rahman, 'Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian,' 209.

²² Ab. Kadir bin Ab. Majid lwn. Kamisah binti Kusnan [2016] 43(2) JH 226.

²³ Khadrishah bin Khalid lwn. Fadilah binti Othman [2016] 43(2) JH 266.

²⁴ Taib bin Omar lwn. Shuib bin Omar & 8 Orang lagi [2018] 46(1) JH 120.; Kes merupakan kes perbicaraan di Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar Kedah. Kes adalah melibatkan kes harta sepencarian Tanah Felda. Hakim bicara telah menggunakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 bagi membuat penghakiman kes tersebut.

²⁵ Abd. Razak bin Abd. Ghani lwn. Abd. Rahim bin Othman [2014] 39(1) JH 32.

²⁶ Abd. Razak bin Abd. Ghani lwn. Abd. Rahim bin Othman [2014] 39(1) JH 32.

²⁷ Sa'diah binti Hj. Tamin lwn. Zainal Arsyad bin Mohd Amin [2015] 41(2) JH 192.

Melihat kepada konteks maksud penghakiman berdasarkan kerangka undang-undang di Malaysia boleh dirujuk kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 mentafsirkan “*keputusan*” termasuklah *penghakiman, hukuman atau perintah, tetapi tidak termasuk apa-apa ketetapan yang dibuat dalam perjalanan sesuatu perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara yang tidak melupuskan hak pihak-pihak secara muktamad*.²⁸ Tafsiran ini tidak jauh berbeza dengan pengamalan kehakiman di Mahkamah Syariah dari aspek penghakiman yang dibuat oleh Hakim Syarie. Walau bagaimanapun merujuk kepada seksyen 3 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 bahawa maksud “*penghakiman*” termasuklah *alasan penghakiman*. AP pula merupakan sebahagian daripada rekod rayuan.²⁹ Teks AP juga merupakan hujahan dan huraian Hakim Syarie serta autoriti seperti statut dan kes yang digunakan oleh mahkamah bagi menyokong keputusan berhubung sesuatu isu yang dipertikaikan dalam prosiding.³⁰ Hakim yang mengendalikan rayuan dapat mengetahui keputusan Hakim Bicara berkenaan sesuatu fakta, undang-undang dan mengapa keputusan dan penghakiman tersebut diputuskan adalah berdasarkan kepada AP.³¹ Oleh yang demikian, penyelidikan mendapati bahawa kerangka penghakiman tidak boleh dipisahkan dengan teks AP yang mana perkaitan ini membawa maksud yang menyeluruh kepada konteks keadilan di Mahkamah Syariah.

METODOLOGI PENGHAKIMAN DAN PENULISAN PENGHAKIMAN MENURUT ARAHAN AMALAN DI MAHKAMAH SYARIAH

Hakim Syarie dalam melaksanakan tugas membuat penghakiman dan menulis teks AP hendaklah memastikan undang-undang yang berkuatkuasa dijadikan panduan asas kepada perkara ini. Hakim Syarie hendaklah memastikan tatacara proses pengendalian kes dilaksanakan sebagaimana undang-undang dan pemakaian Hukum Syarak dilakukan dengan teratur.³²

²⁸ Sek. 3, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91).

²⁹ Ahmad Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997), 125.

³⁰ Mohamad Abdullah, *Kehakiman Islam Teori dan Pelaksanaan* (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2017), 67.

³¹ Ahmad Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang*, 125.

³² Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, ‘Profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Penulisan Teks Alasan

Penyeragaman pentadbiran juga dilakukan melalui pembinaan arahan amalan Mahkamah Syariah, kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dan prosedur operasi standard yang akan diguna pakai di seluruh Mahkamah Syariah.³³ Hakim Syarie perlu menggunakan arahan amalan yang telah diperaku di peringkat MSN dalam pelaksanaan tugas kehakiman termasuk penghakiman dan penulisan teks AP. Arahan amalan yang dilaksanakan di MSN merupakan arahan yang dikeluarkan oleh pihak JKSM dengan perbincangan bersama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan MSN seluruh Malaysia bagi memastikan keselarasan proses kehakiman Syariah berkaitan dengan prosiding kes, pentadbiran pengurusan kes, penghakiman dan perintah, alasan penghakiman, tatacara kes dan sebagainya. JKSM telah ditubuhkan pada 15 Disember 1998 berfungsi untuk menyelaraskan pentadbiran undang-undang Syariah di Malaysia.³⁴ Arahan amalan berkaitan dengan pentadbiran undang-undang dikeluarkan untuk memastikan pentadbiran kehakiman dan proses perbicaraan dapat dijalankan dengan lancar, adil dan sistematik.³⁵ Arahan amalan di Mahkamah Syariah juga menjelaskan peruntukan undang-undang, menyeragam, menyelaraskan dan meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran kehakiman.³⁶ Arahan amalan di Mahkamah Syariah tidak berstatus undang-undang.³⁷ Walau bagaimanapun, arahan amalan telah dijadikan sumber autoriti selain daripada akta ataupun

Penghakiman,' *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 27/4 (2022): 106.

- ³³ 'Persekutuan, Negeri Perkasakan Mahkamah Syariah,' *Berita Harian Online*, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/720852/persekutuan-negeri-perkasakan-mahkamah-syariah>, diakses 10 Ogos 2021.
- ³⁴ Abdullah@Alwi haji Hassan, 'Ijtihad dan Peranannya dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-Undang Syariah di Dunia Islam Masa Kini,' 23.
- ³⁵ Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang, 'Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan Dalam Pentadbiran Kehakiman Dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,' *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol. 33/1 (2021): 31.
- ³⁶ Awang Suhaili bin Ledi, 'Perutusan YAA Ketua Hakim Syarie Sarawak,' dalam *Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak Tahun 2000-2017* (Sarawak: Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, 2018).
- ³⁷ Zubaidi & Ahmad Hidayat, 'Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,' 46.

enakmen negeri setelah diendorskan pemakaiannya sebagaimana dinyatakan oleh Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman.³⁸

Tujuan kepada kewujudan arahan amalan di MSN adalah untuk menyegerakan penyelesaian kes, menyeragamkan pentadbiran Mahkamah Syariah, memudahkan para hakim membuat rujukan dan sebagainya. Kewujudan arahan amalan ni mempunyai tujuan yang baik serta selaras dengan objektif *maqasid al-Shari'ah*.³⁹ Panel Rayuan di dalam kes *Ahmad Tamyiz Bin Haji Mak Aris Noor Haslinda Binti Hussin lawan Norashikin Binti Abu Bakar*⁴⁰ telah menyentuh berkenaan isu pemakaian arahan amalan dengan merujuk artikel YAA Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman.⁴¹ Panel Rayuan menyatakan bahawa pengeluaran arahan amalan (*practice direction*) dan surat pekeliling Ketua Jabatan yang boleh disimpulkan sepertimana berikut:

*“Arahan Amalan dikeluarkan untuk menjelaskan tatacara atau prosedur yang tidak jelas dan kabur dalam melaksanakan kerja-kerja di Mahkamah. Ia juga bertujuan untuk menjelaskan perkara yang tidak ada dalam peraturan. Penggunaan Arahan Amalan ini sebenarnya tidak lari daripada kehendak peruntukan undang-undang sepertimana yang terdapat dalam undang-undang keluarga Islam Negeri-negeri. Manakala pengeluaran surat pekeliling pula diperlukan untuk menjelaskan sebarang kekaburan dan kesamaran sesuatu tugas seharian”.*⁴²

Penerangan Panel Rayuan berkenaan dengan arahan amalan yang digunakan di MSN menjelaskan bahawa ianya juga bertujuan untuk menjelaskan perkara yang tidak ada dalam peraturan. Terdapat juga arahan amalan yang menjelaskan sesuatu perkara berkaitan undang-undang dan

³⁸ Mazni Abdul Wahab, ‘Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur,’ *Jurnal Penyelidikan Undang-Undang Syariah*, vol. 1/2 (2016): 176.

³⁹ Mazni Abdul Wahab, ‘Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur,’ 176.

⁴⁰ Ahmad Tamyiz Bin Haji Mak Aris Noor Haslinda Binti Hussin lwn. Norashikin Binti Abu Bakar [2020] *Jurnal Hukum Edisi Khas Sempena Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020*, 63-82.

⁴¹ Ghazali bin Haji Abdul Rahman, ‘Amalan-Amalan Pentadbiran di Mahkamah Syariah,’ *Jurnal Hukum*, vol. 20/2 (2005): 181-185.

⁴² Ahmad Tamyiz lwn. Norashikin [2020] *Jurnal Hukum Edisi Khas*, 75.

untuk memudahkan proses kehakiman dan penghakiman di MSN. Arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM akan digunakan di peringkat MSN dan diperakukan penggunaannya melalui pengesahan daripada Ketua Hakim Syarie MSN sebelum arahan amalan dikuatkuasa dan dilaksanakan di negeri masing-masing.⁴³ Sarawak mengguna pakai arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM dengan kesesuaian peruntukan negeri dan kewajaran penggunaannya di peringkat negeri dan dinamakan dengan Arahan Amalan Ketua Hakim Syariah Sarawak (AAKHSS). AAKHSS yang dikeluarkan tersebut adalah berkaitan prosedur atau polisi yang mana ia wajib diikuti dan dipatuhi walaupun tidak berstatus undang-undang.⁴⁴ Pengendorsan penggunaan Arahan Amalan di peringkat negeri adalah dilakukan berdasarkan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2018.⁴⁵

Mazni Abdul Wahab menyatakan bahawa arahan amalan yang diperkenal dan diguna pakai di Mahkamah Syariah adalah satu langkah dalam kerangka prinsip *Siyasah Shar'iyah* yang mesti diikuti, dipatuhi serta diterima pakai selagi mana ianya tidak bertentangan dengan Hukum Syarak.⁴⁶ Berdasarkan keseluruhan arahan amalan yang dikeluarkan sejak tahun 2000 sehingga 2022 sebanyak 244 arahan amalan yang diputuskan untuk dipakai di peringkat MSN. Berikut merupakan jadual berkaitan pengeluaran Arahan Amalan JKSM:

Jadual 1: Jumlah Arahan Amalan JKSM dari Tahun 2000 hingga 2022

Tahun	Bilangan Arahan Amalan	Batal Sepenuhnya	Batal Sebahagian
2000	8	3	0
2001	11	1	0
2002	17	4	0
2003	14	4	0
2004	15	5	0
2005	15	7	1

⁴³ Zubaidi & Ahmad Hidayat, 'Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,' 45.

⁴⁴ Abdul Karim Mohd Nuli, 'Perutusan YA Pendaftar,' dalam *Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak Tahun 2000-2017* (Sarawak: Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, 2018).

⁴⁵ Arahan Amalan No. 8 Tahun 2018, '*Tatacara Penerimaan dan Pengendorsan Arahan Amalan*'.

⁴⁶ Mazni Abdul Wahab, 'Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur,' 182.

2006	15	7	0
2007	17	2	0
2008	7	0	0
2009	0	0	0
2010	6	1	0
2011	11	2	0
2012	9	2	0
2013	6	1	0
2014	7	0	1
2015	9	0	0
2016	11	0	1
2017	7	1	0
2018	12	1	0
2019	13	1	1
2020	10	0	0
2021	16	0	0
2022	8	3	0
Jumlah	244	45	4

Sumber: Arahan Amalan JKSM Tahun 2000-2022

Berdasarkan jumlah 244 arahan amalan yang dikeluarkan JKSM dalam tempoh 20 tahun menunjukkan satu jumlah yang banyak bagi kegunaan institusi kehakiman Syariah di Malaysia. Walau bagaimanapun, arahan amalan yang dikeluarkan ini sentiasa dikemaskini yang mana terdapat arahan amalan yang dibatalkan dan juga arahan amalan yang berkuatkuasa pada tahun semasa. Terdapat arahan amalan yang dikuatkuasakan pada tahun tersebut dan pada masa yang sama pembatalan arahan amalan lama dilakukan sebagaimana Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017,⁴⁷ Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014,⁴⁸ Arahan Amalan No. 5 Tahun 2017⁴⁹ dan lain-lain lagi. Keseluruhan arahan amalan yang dikeluarkan mempunyai klasifikasi khusus seperti Pendaftaran/Pra Perbicaraan, Perbicaraan dan Tatacara, Penghakiman dan Perintah, Penulisan Alasan Penghakiman, Rayuan dan Semakan dan lain-lain. Arahan amalan dapat membantu penyeragaman peraturan dan tindakan antara Mahkamah Syariah yang berlainan negeri di Malaysia. Pemakaian arahan amalan ini dapat

⁴⁷ Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017, '*Tempoh Masa Mengemukakan Nota Perbicaraan Bagi Maksud Rayuan*'.

⁴⁸ Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014, '*Garis Panduan Penulisan Teks Alasan Penghakiman Arahan*'.

⁴⁹ Arahan Amalan No. 5 Tahun 2017, '*Permohonan Kebenaran Pengkomitan*'.

mewujudkan amalan dan standard operasi serta prosiding yang sama di setiap Mahkamah Syariah di Malaysia.⁵⁰

DAPATAN DAN PERBINCANGAN PEMAKAIAAN ARAHAN AMALAN DALAM PROSES PENGHAKIMAN DAN PENULISAN TEKS AP

Pemakaian arahan amalan dalam pengurusan institusi kehakiman Syariah di Malaysia merupakan perkara yang telah diamalkan melebihi 20 tahun. Mazni Abdul Wahab telah menyimpulkan berkenaan keberkesanan pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah merupakan suatu mekanisme baru untuk memperkasakan pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia.⁵¹ Pemakaian arahan amalan ini adalah merangkumi personal, bahagian dan institusi yang berkait dengan Mahkamah Syariah seperti KHS, Ketua Pendaftar, Pendaftar, Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai Sulh, Penghantar Notis, Arkib Negara Malaysia,⁵² Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM),⁵³ Angkatan Tentera Malaysia,⁵⁴ Jabatan Bantuan Guaman,⁵⁵ Jabatan Agama Islam Negeri⁵⁶ dan sebagainya. Perkara ini menunjukkan bahawa pemakaian arahan amalan adalah menyeluruh dan komprehensif demi memastikan pengurusan institusi kehakiman Syariah dan prosiding kes di MSN berjalan dengan teratur dan tersusun. Oleh yang demikian, Hakim Syarie di peringkat

⁵⁰ Zubaidi & Ahmad Hidayat, 'Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,' 48.

⁵¹ Mazni Abdul Wahab, 'Pemeriksaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia' (Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 235.

⁵² Arahan Amalan No. 13 Tahun 2006, '*Manual Pelupusan Rekod Functional*'.

⁵³ Arahan Amalan No. 1 Tahun 2019, '*Permohonan Kebenaran Berpoligami Bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-Lain Pangkat APMM*'.

⁵⁴ Arahan Amalan No. 1 Tahun 2017, '*Kes Kekeluargaan Yang Melibatkan Anggota Tentera / Pasangan Anggota Tentera*'.

⁵⁵ Arahan Amalan No. 6 Tahun 2004, '*Kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Biro Bantuan Guaman, Ketua Pendakwa Syarie, dan Ketua Pendaftar Semasa Prosiding Rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah*'.

⁵⁶ Arahan Amalan No. 2 Tahun 2005, '*Penjelasan Maksud Pegawai Agama di dalam Sekyen 47(5) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 Atau dalam Mana-Mana Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri*'.

Mahkamah Rendah Syariah (MRS), Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) perlu mengetahui perkara-perkara ini untuk memastikan proses penghakiman yang dilakukan adalah bertepatan dengan undang-undang dan selari dengan keputusan pemakaian arahan amalan di peringkat MSN. Penulisan teks AP juga dapat dilakukan dengan baik apabila Hakim Syarie mengetahui arahan amalan secara menyeluruh demi menjamin kompetensi Hakim Syarie dalam melaksanakan tugas. Terdapat beberapa arahan amalan yang berhubung dengan penghakiman dan penulisan teks AP sebagaimana yang akan dibincangkan dalam penyelidikan ini secara berfokus.

1. Pemakaian Arahan Amalan Berkenaan Penghakiman Hakim Syarie

Inisiatif pihak JKSM mewujudkan arahan amalan khusus berkenaan dengan penghakiman dan perintah merupakan satu mekanisme terbaik untuk memudahkan prosiding penghakiman di MSN. Hakim Syarie dapat membuat penghakiman dengan lebih teratur dengan panduan arahan amalan tersebut untuk memastikan penghakiman yang dibuat selaras dengan kehendak undang-undang. Penyelidikan ini hanya menyenaraikan sebahagian arahan amalan berkaitan penghakiman yang diguna pakai di peringkat MSN. Arahan amalan tersebut sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 2: Arahan Amalan JKSM 2000-2022 Berkaitan “Penghakiman”

Bil.	Tajuk Arahan Amalan	No. Bil.	Tahun
1	Keselaran Keputusan Kes	7	2001
2	Kesan Keputusan Mahkamah yang Lebih Tinggi	1	2002
3	Tempoh Masa Pengemukakan Nota Perbicaraan Bagi Maksud Rayuan *Telah dibatalkan melalui Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017.	8	2002
4	Percanggahan Keputusan Kes	14	2002
5	Hakim Mengubah Perintah Sendiri	4	2004
6	Pemakluman Keputusan Kes Rayuan	11	2004
7	Tempoh Masa Mengemukakan Nota Perbicaraan Bagi Maksud Rayuan *Arahan Amalan ini telah membatalkan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002	6	2017

Sumber: Arahan Amalan JKSM Tahun 2000-2022

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa pihak JKSM mengambil peranan memastikan keselarasan proses penghakiman di MSN terutamanya pada menjalankan tugas Hakim Syarie. Mohd Nadzri Abdul Rahman telah membahagikan arahan amalan berkenaan dengan perintah dan penghakiman kepada 21 arahan amalan daripada keseluruhan arahan amalan sehingga tahun 2019.⁵⁷ Manakala Pihak JKSM telah mengklasifikasikan arahan amalan berkenaan penghakiman dan perintah sebanyak 18 arahan amalan.⁵⁸ Walau bagaimanapun penyelidikan hanya mengkhususkan kepada 7 arahan amalan di atas kerana arahan amalan tersebut secara langsung berkait dengan proses penghakiman Hakim Syarie.

Berdasarkan jadual di atas, arahan amalan yang dikeluarkan kebanyakannya adalah sebelum tahun 2010 kecuali Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017 berkenaan tempoh masa mengemukakan nota perbicaraan bagi maksud rayuan yang telah membatalkan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002. Arahan amalan tersebut membincangkan berkenaan nota perbicaraan hendaklah disediakan tidak lewat daripada lapan minggu setelah notis rayuan difailkan terhadap keputusan mahkamah. Perkara ini sewajarnya diberikan perhatian oleh Hakim Syarie yang mana nota perbicaraan sepatutnya ditaip di dalam e-Bicara dalam Sistem e-Syariah. Sistem ini dapat membantu hakim dalam urusan prosiding kes dan penghakiman dijalankan dengan cepat dan teratur.⁵⁹ Penggunaan sistem ini adalah selaras dengan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013 berkenaan "*Penggunaan Aplikasi e-Bicara oleh Hakim Syarie*".⁶⁰ Arahan amalan tersebut telah

⁵⁷ Mohd Nadzri Abdul Rahman, *Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Syariah*, 326.

⁵⁸ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Penghakiman dan Perintah', laman sesawang *Portal Rasmi E-Syariah*, diakses 13 Ogos 2021, <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan%20-%20Penghakiman%20dan%20Perintah>.

⁵⁹ Portal Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'E-Bicara', laman sesawang laman sesawang *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 20 Februari 2019.; <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/e-syariah/275-e-bicara>.

⁶⁰ Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013, '*Penggunaan Aplikasi E-Bicara oleh Hakim Syarie*'. "*Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia tahun 2013 pada 27 hingga 29 Muharram 1435H bersamaan 1 hingga 3 Disember 2013 di Port Dickson, Negeri Sembilan telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan mewajibkan para Hakim Syarie menggunakan*

mewajibkan Hakim Syarie menggunakan aplikasi e-Bicara bagi menyediakan nota perbicaraan dan juga dapat menyediakan AP mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Merujuk kepada keseluruhan arahan amalan yang digunakan di MSN dari aspek kandungan penghakiman dan perintah yang perlu diberi perhatian oleh Hakim Syarie adalah Arahan Amalan No. 6 Tahun 2007 “*Butiran Perintah Harta Sepencarian Berbentuk Hartanah*” dan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2020 “*Penyelarasan Perintah Nafkah Cari Segi Cara Pembayaran dan Terma-terma Lengkap Perintah*”. Kedua-dua arahan amalan ini dilihat sangat signifikan dan wajar diperluaskan penyelarasan penghakiman kepada kes-kes di MSN. Teguran MRyS terhadap kandungan penghakiman dan perintah ditunjukkan di dalam kes *Irshath Ibrahim bin Mohamed Ali Jinnah lwn. Fahmida Ilyas binti Mohamad Ilyas*⁶¹ berkenaan dengan rayuan pengkomitan berkaitan hak jagaan anak. Panel Rayuan MRyS Pulau Pinang telah menegur Hakim Bicara berkenaan dengan penghakiman yang dibuat dengan menyatakan bahawa:

“Mahkamah Bicara sepatutnya ketika memberi sesuatu perintah hak jagaan/hak jagaan sementara hendaklah bersekali memerintahkan hak lawatan kepada pihak satu lagi bagi mengelakkan ketidakadilan”.

Dalam hal ini menunjukkan bahawa wajar Hakim Bicara mempunyai pengetahuan asas. Teguran MRyS ini menunjukkan bahawa Hakim Bicara perlu mempunyai pengetahuan perkara penting yang melibatkan proses penghakiman agar pihak-pihak diberikan hak yang sewajarnya. Inisiatif penyelarasan terma perintah dan penghakiman wajar dilakukan dengan mengambil kira kritikan MRyS terhadap proses penghakiman tersebut. Satu garis panduan keselarasan terma penghakiman wajar diwujudkan demi keadilan proses penghakiman. Mekanisme penyelarasan terma wajar dibuat melalui arahan amalan di peringkat JKSM untuk kegunaan semua Hakim Syarie di JKSN dan MSN dalam membuat perintah dan penghakiman yang komprehensif dan menyeluruh. Perkara ini juga dapat mengelakkan risiko penghakiman yang berat sebelah dan tidak dapat dikuatkuasakan.

aplikasi sistem e-Syariah bagi tujuan menyediakan nota perbicaraan dan alasan penghakiman mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No.6 Tahun 2001 dan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002.”

⁶¹ Irshath Ibrahim bin Mohamed Ali Jinnah lwn. Fahmida Ilyas binti Mohamad Ilyas [2018] 46(2) JH 204.

2. Pemakaian Arahan Amalan bagi Penulisan Teks Alasan Penghakiman Hakim Syarie

Penulisan teks AP pada awal penerbitan Jurnal Hukum (JH) tidak mempunyai satu standard dan garis panduan khusus berkenaan kaedah penulisan. Kes-kes yang dilaporkan di awal penerbitan JH adalah ditulis dengan ringkas dan tidak terperinci seperti kes *Ahmad lwn. Aishah*,⁶² *Mohamed lwn. Selamah*⁶³ dan *Wan Maamor lwn. Cik Jah*.⁶⁴ Walau bagaimanapun, pihak JKSM telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan arahan amalan berkaitan teks AP untuk Hakim Syarie di Malaysia. Arahan amalan tersebut sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 3: Arahan Amalan JKSM 2000-2022 Berkaitan “Alasan Penghakiman”

Bil.	Tajuk Arahan Amalan	No. Bil.	Tahun
1	Alasan Penghakiman	6	2001
2	Pengumpulan Kes-kes Untuk Jurnal Hukum	10	2001
3	Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman * Dibatalkan dan digantikan dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014	11	2011
4	Penggunaan Aplikasi E-Syariah Oleh Hakim Syarie * Dibaca bersama Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 dan Arahan Amalan No. 8 Tahun 2002	6	2013
5	Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman Arahan *Amalan ini telah membatalkan Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011	2	2014
6	Pindaan Arahan Amalan No.2 Tahun 2014: Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman	1	2021

Sumber: Arahan Amalan JKSM Tahun 2000-2022

Berdasarkan kepada Arahan Amalan JKSM berkenaan dengan AP adalah terdiri daripada 6 arahan amalan yang berkaitan. Inisiatif pemakaian arahan amalan berkenaan AP telah dilakukan seawal pengeluaran arahan amalan pada tahun 2001 dengan mengeluarkan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001. Jika dirujuk kepada kandungan arahan amalan tersebut maka

⁶² Ahmad lwn. Aishah [1401H] I (I&II) Jurnal Hukum 55-59.

⁶³ Mohamed lwn. Selamah [1402H] II (I&II) Jurnal Hukum 95-96.

⁶⁴ Wan Maamor lwn. Cik Jah [1402H] II (I&II) Jurnal Hukum 97-98.

penetapan yang dinyatakan adalah AP sesuatu kes hendaklah disediakan tidak lewat dari sebulan dari tarikh penghakimannya. Tempoh sebulan bagi seseorang Hakim Syarie membuat teks AP adalah relevan dari tarikh penghakiman dibuat. Walau bagaimanapun, terdapat rungutan oleh Peguam Syarie berkenaan kelewatan dalam penyediaan AP.⁶⁵ Kajian yang dilakukan oleh Mazni Abdul Wahab menyatakan bahawa antara alasan kelewatan penyediaan teks AP adalah tidak mempunyai masa yang mencukupi dan kebanyakan kes adalah sama.⁶⁶

Pemakaian arahan amalan ini telah dipantau pematuhan terhadap pemakaiannya di MSN. Berdasarkan Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan JKSN/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2017 dan Laporan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan JKSN/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2018 menunjukkan bahawa pemakaian arahan amalan ini merupakan ketakakuran yang berulang. Ketakakuran tersebut menunjukkan bilangan ketakakuran AP pada tahun 2017 adalah sebanyak 9 manakala pada tahun 2018 adalah sebanyak 8 bilangan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ketakakuran ini berlaku sebagaimana punca yang dikenalpasti oleh pihak Jawatankuasa Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan (JKPPAA). Ketakakuran dinyatakan di dalam Kertas Makluman Pelaksanaan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2018 iaitu antaranya adalah hakim terbeban dengan kes yang banyak dan sekadar menyediakan alasan penghakiman ringkas.⁶⁷ Penyelidikan mendapati perkara ini perlu diberi perhatian serius oleh semua KHS JKSN dan MSN untuk memastikan Hakim Syarie mematuhi arahan amalan berkaitan AP ini. Penyediaan teks AP ringkas bagi kes rutin merupakan perkara yang praktikal bagi seseorang Hakim Syarie. Walau bagaimanapun, kes-kes yang memerlukan kepada penulisan teks AP yang mempunyai huraian isu-isu berbangkit, maka tempoh sebulan dari tarikh penghakiman adalah wajar dilakukan dan perlu diberi perhatian utama dalam tugas kehakiman terutama bagi kes yang dirayu.

⁶⁵ Mazni Abdul Wahab, 'Pemeriksaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia,' 130.

⁶⁶ Mazni Abdul Wahab, 'Pemeriksaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia,' 131.

⁶⁷ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, *Kertas Makluman Pelaksanaan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2018*. (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2018).

Setelah 10 tahun pemakaian arahan amalan berkaitan AP digunakan di MSN, maka pihak JKSM telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011 berkenaan garis panduan penulisan teks penghakiman.⁶⁸ Pemakaian arahan amalan ini telah dibatalkan dan digantikan dengan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014. Hakim Syarie perlu menyediakan alasan penghakiman tertakluk kepada garis panduan penulisan teks penghakiman yang telah dikuatkuasakan dalam arahan amalan tersebut.⁶⁹ Penambahbaikan arahan amalan yang baru, adalah dari segi format penulisan teks AP bagi tujuan penerbitan JH sahaja. Walau bagaimanapun, kandungan kepada kedua-dua arahan amalan tersebut tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Penyelidikan mendapati Bahawa Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014 ini adalah untuk memastikan Hakim Syarie MSN di seluruh Malaysia memberi penekanan dalam membuat teks AP yang lebih tersusun dan berformat. Garis panduan dalam arahan amalan tersebut dilihat lebih tertumpu kepada format penyediaan teks AP sahaja, tetapi tidak kepada huraian kandungan yang perlu ada dalam menjadikan teks AP yang berkualiti.

Berdasarkan pada perenggan 2 Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001 ada menetapkan berkenaan dengan cara dan kaedah asas penulisan AP iaitu hendaklah menyentuh isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, Hukum Syarak, pentafsiran serta ulasan ke atas hujah-hujah pihak-pihak dan otoriti kes yang dirujuk. Kaedah ini dilihat terlalu ringkas dan tiada panduan khusus berkenaan huraian perkara yang dinyatakan. Penyelidikan mencadangkan pihak JKSM mewujudkan satu garis panduan yang khusus kepada bentuk rujukan dan huraian kepada kaedah penulisan teks AP yang berkualiti. Penekanan rujukan-rujukan yang digunakan oleh Hakim Syarie perlu diberi perhatian oleh JKSM, JKSN dan MSN untuk memastikan segala rujukan yang digunakan berdasarkan sumber sahih, mempunyai

⁶⁸ Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011, '*Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman*'. "*Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2011 pada 12 Muharram 1433H bersamaan 7hb Disember 2011 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berkaitan Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman. Segala tindakan para Hakim dalam menyediakan Alasan Penghakiman hendaklah tertakluk kepada Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman yang dilampirkan bersama-sama ini. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 7 Disember 2011.*"

⁶⁹ Mastura Razali & Jasni Sulong, 'Amalan Penulisan Penghakiman dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia,' *Jurnal Syariah*, vol. 24/1 (2016): 50.

otoriti dan relevan. Penulisan teks penghakiman yang baik dan lengkap dapat membantu rujukan, tafsiran dan alasan dalam penghakiman terutama di peringkat rayuan.⁷⁰

Penerbitan JH keluaran JKSM dilihat sebagai mekanisme terbaik kepada bentuk penulisan teks AP yang berkualiti. Kes di peringkat MRyS dan MTS seluruh Malaysia diterbitkan secara berkala di dalam JH oleh JKSM. Berdasarkan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014 berkenaan penulisan teks AP bagi tujuan JH, maka ianya juga berkait dengan Arahan Amalan No. 10 Tahun 2001 berkenaan "*Pengumpulan Kes-kes untuk Jurnal Hukum*".⁷¹ Jika dirujuk kepada laman rasmi Portal E-Syariah maka rujukan berkenaan AP adalah terhad dan tidak mempunyai kandungan penulisan penuh teks AP. Perkara ini berbeza dengan Mahkamah Sivil yang mana pengumpulan dan penyimpanan teks AP dimuat naik melalui aplikasi *e-judgment*.⁷² Teks AP di Mahkamah Sivil juga dipaparkan melalui laman sesawang Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.⁷³

Penyelidikan mendapati bahawa perkara ini perlu diaplikasikan juga kepada teks AP Mahkamah Syariah yang mana perlu ada laman portal yang rasmi bagi tujuan ini. Portal E-Syariah adalah sesuai sebagai portal

⁷⁰ Ahmad Hidayat Buang, 'Penulisan Teks Penghakiman dalam Perundangan Islam,' dalam *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*, ed. Ruzman Md. Noor (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 15.

⁷¹ Arahan Amalan JKSM No.10 Tahun 2001, '*Pengumpulan Kes-kes untuk Jurnal Hukum*'.

⁷² Surat Penting Ketua Pendaftar dan Pendaftar Tahun 2014 bertarikh 19 Jun 2014, 'Memuat Naik Alasan Penghakiman Menggunakan Aplikasi E-Judgment'. Bagi memuat naik Alasan Penghakiman untuk Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi, pegawai-pegawai penyelidik kepada YA Hakim-Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman hendaklah menyediakan ringkasan fakta dan keputusan kes kepada alasan penghakiman. Kelulusan daripada hakim masing-masing hendaklah diperolehi sebelum alasan penghakiman dihantar ke portal E-Judgment. Bagi Mahkamah Sesyen dan Majistret pula alasan penghakiman akan terus dimuat naik ke sistem E-judgment. Sistem ini boleh dicapai melalui alamat url: pelaporan.kehakiman.gov.my. Setelah alasan penghakiman dimuat naik, Unit Pelaporan Undang-Undang adalah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan penyediaan kata kunci sebelum alasan penghakiman diterbitkan di laman web kehakiman.

⁷³ Laman Web Rasmi *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*, diakses 17 Januari 2020, <http://www.kehakiman.gov.my/>

setempat termasuk maklumat teks AP. Tujuan pembangunan sistem e-Syariah adalah bagi mewujudkan rangkaian e-Kerajaan di peringkat Persekutuan di JKSM dengan MSN seluruh Malaysia dan agensi lain yang terlibat dengan operasi Mahkamah Syariah.⁷⁴ Lima (5) modul yang dibangunkan dalam sistem ini adalah Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS), Sistem Pengurusan Peguam Syarie, Automasi Pejabat, Sistem Pengurusan Perpustakaan (SPP) dan Portal e-Syariah.⁷⁵ Penyelidikan mencadangkan agar SPP digunakan secara optimum dengan meletakkan teks AP yang dikeluarkan oleh Hakim Syarie sebagai web rujukan dan secara tidak langsung sebagai jaringan literasi maklumat kepada masyarakat awam di Malaysia.

Penyelidikan mendapati bahawa JKSM telah mengambil inisiatif melaksanakan muzakarah pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah bagi menerangkan pemakaian arahan amalan kepada semua Pegawai Syariah mengikut Zon di Malaysia.⁷⁶ Pelaksanaan ini juga dilaksanakan dalam tempoh pandemik covid-19 secara atas talian melalui aplikasi *Cisco Webex*. Penerangan berkaitan prosiding kes telah diterangkan berdasarkan pemakaian arahan amalan semasa. Penyelidikan mencadangkan agar penerangan arahan amalan berkenaan prosiding penghakiman dan penulisan teks alasan penghakiman wajarlah diberi perhatian oleh pihak JKSM agar menjamin kompetensi Hakim Syarie di Mahkamah Syariah.

KESIMPULAN

Penghakiman Hakim Syarie merupakan perkara penting dan keputusan akhir dalam sesuatu prosiding kehakiman di Mahkamah Syariah. Hakim Syarie yang kompeten akan melaksanakan tugas tersebut sebagaimana ketetapan undang-undang dari aspek bidang kuasa perbicaraan sehinggalah

⁷⁴ Ramizah Wan Muhammad & Khairunnasriah Abdul Salam, 'Kejayaan Modal Insan dan Inovasi dalam Pentadbiran Mahkamah Syariah: Membina Model Antarabangsa,' *Jurnal Syariah*, vol. 27/1 (2019): 36.

⁷⁵ Wan Satirah Wan Mohd Saman & Abrar Haider, 'Electronic Court Records Management: A Case Study,' *Journal of e-Government Studies and Best Practices* (2012): 6.

⁷⁶ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2020 Zon Utara dan Tengah,' laman sesawang *Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 13 September 2021. <http://202.75.5.210/index.php/en/29-aktiviti/1236-pemahaman-arahan-amalan-mahkamah-syariah-tahun-2020-zon-utara-dan-tengah?tmpl=component&print=1>

keputusan dikeluarkan. Hujahan dan alasan yang digunakan oleh Hakim Syarie dapat dilihat melalui penulisan teks AP yang dibuat. Penyelidikan mendapati bahawa arahan amalan yang dikeluarkan oleh JKSM memandu dan membantu proses penghakiman dan proses penulisan teks AP yang teratur, tersusun dan selaras di semua MSN. Garapan arahan amalan berhubung penghakiman dan penulisan teks AP ini wajar diberikan perhatian serius oleh setiap Hakim Syarie terutama Hakim Bicara dalam memastikan penghakiman yang diputuskan dan teks AP yang dibuat adalah mengikut arahan yang telah ditetapkan dan dibuat dengan berkualiti. Metodologi dalam membuat penghakiman dan penulisan teks AP yang dirangka melalui arahan amalan hendaklah dipatuhi oleh Hakim Syarie untuk memastikan proses keadilan dilakukan dengan jelas, teratur dan komprehensif. Literasi maklumat kepada pihak berkaitan seperti Pegawai Syariah, Peguam Syarie, Pendakwa Syarie, pihak-pihak bertikai dan masyarakat awam berkenaan dengan penghakiman dan penulisan teks AP wajar diberi perhatian serius oleh pihak JKSM, JKSN dan MSN untuk memastikan keterbukaan penyampaian perkhidmatan kehakiman Syariah di Malaysia kepada semua pihak.

RUJUKAN

- `Abd al-Karīm Zaydān, *Nizām al-Qadā` fī al-Sharī`ah al-Islāmiyyāh* (Beirut: Mu`assasah al-Risālah Nāshirūn, 2011).
- Abdul Karim Mohd Nuli, 'Perutusan YA Pendaftar,' dalam *Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak Tahun 2000-2017* (Sarawak: Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, 2018).
- Abdul Monir Yaacob, 'Perlaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian,' *Jurnal Fiqh*, vol. 6 (2009): 1-20.
- Abdullah@Alwi haji Hassan, 'Ijtihad dan Peranannya dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-Undang Syariah di Dunia Islam Masa Kini,' *Jurnal Syariah*, vol. 15/2 (2007): 1-24.
- Ahmad Hidayat Buang, 'Penulisan Teks Penghakiman dalam Perundangan Islam,' dalam *Penulisan Teks Penghakiman di Mahkamah Syariah*, ed. Ruzman Md. Noor (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008), 1-15.
- Ahmad Ibrahim, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997).
- Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91).

- al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma`rifah Ma`ānī Alfāz al-Minhāj*, jil. 4 (Beirut: Dār al-Ma`rifah, 1997).
- Arahan Amalan JKSM No.10 Tahun 2001, '*Pengumpulan Kes-kes untuk Jurnal Hukum*'.
- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2017, '*Kes Kekeluargaan Yang Melibatkan Anggota Tentera / Pasangan Anggota Tentera*'.
- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2019, '*Permohonan Kebenaran Berpoligami Bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-Lain Pangkat APMM*'.
- Arahan Amalan No. 11 Tahun 2011, '*Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman*'.
- Arahan Amalan No. 13 Tahun 2006, '*Manual Pelupusan Rekod Functional*'.
- Arahan Amalan No. 2 Tahun 2005, '*Penjelasan Maksud Pegawai Agama di dalam Sekyen 47(5) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 Atau dalam Mana-Mana Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri*'.
- Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014, '*Garis Panduan Penulisan Teks Alasan Penghakiman Arahan*'.
- Arahan Amalan No. 5 Tahun 2017, '*Permohonan Kebenaran Pengkomitan*'.
- Arahan Amalan No. 6 Tahun 2004, '*Kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Biro Bantuan Guaman, Ketua Pendakwa Syarie, dan Ketua Pendaftar Semasa Prosiding Rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah*'.
- Arahan Amalan No. 6 Tahun 2013, '*Penggunaan Aplikasi E-Bicara oleh Hakim Syarie*'.
- Arahan Amalan No. 6 Tahun 2017, '*Tempoh Masa Mengemukakan Nota Perbicaraan Bagi Maksud Rayuan*'.
- Arahan Amalan No. 8 Tahun 2018, '*Tatacara Penerimaan dan Pengendorsan Arahan Amalan*'.
- Awang Suhaili bin Ledi, 'Perutusan YAA Ketua Hakim Syarie Sarawak,' dalam *Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak Tahun 2000-2017* (Sarawak: Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, 2018).

- Berita Harian Online, 'Persekutuan, Negeri Perkasakan Mahkamah Syariah'.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/720852/persekutuan-negeri-perkasakan-mahkamah-syariah>, diakses 10 Ogos 2021.
- Ghazali Abdul Rahman, 'Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian,' *Jurnal Hukum*, vol. XIX/2 (2005): 189-216.
- Ghazali bin Haji Abdul Rahman, 'Amalan-Amalan Pentadbiran di Mahkamah Syariah,' *Jurnal Hukum*, vol. 20/2 (2005): 181-185.
- Ibn Farḥūn, *Tabṣīrah al-Ḥukkām fī Uṣūl al-Aqḍīyyah wa Manāhij al-Aḥkām*, jil. 1 (Riyadh: Dār `Ālam al-Kutub, 2003).
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī* (Lubnan: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah, 2004).
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Penghakiman dan Perintah', laman sesawang *Portal Rasmi E-Syariah*, diakses 13 Ogos 2021, <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal%20E-Syariah%20BM/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan/Portal%20E-Syariah%20Arahan%20Amalan%20-%20Penghakiman%20dan%20Perintah>.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'Pemahaman Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2020 Zon Utara dan Tengah,' laman sesawang *Laman Rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 13 September 2021. <http://202.75.5.210/index.php/en/29-aktiviti/1236-pemahaman-arahan-amalan-mahkamah-syariah-tahun-2020-zon-utara-dan-tengah?tmpl=component&print=1>
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, *Kertas Makluman Pelaksanaan Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan Tahun 2018*. (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 2018).
- Laman Web Rasmi *Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia*, diakses 17 Januari 2020, <http://www.kehakiman.gov.my/>
- Mastura Razali & Jasni Sulong, 'Amalan Penulisan Penghakiman dan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah Malaysia,' *Jurnal Syariah*, vol. 24/1 (2016): 25-58.
- Mazni Abdul Wahab, 'Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur,' *Jurnal Penyelidikan Undang-Undang Syariah*, vol. 1/2 (2016): 175- 786.

- Mazni Abdul Wahab, 'Pemeriksaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia' (Tesis Ph.D, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 235.
- Mohamad Abdullah, *Kehakiman Islam Teori dan Pelaksanaan* (Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2017).
- Mohd Nadzri Abdul Rahman, *Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Syariah* (Selangor: Anaasa Publication, 2020).
- Muhammad al-Zuhaylī, *al-Mu`tamad fī al-Fiqh al-Shāfi`ī*, jil. 5 (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2011).
- Perlembagaan Persekutuan
- Portal Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, 'E-Bicara', laman sesawang laman sesawang *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*, diakses 20 Februari 2019.; <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/e-syariah/275-e-bicara>.
- Ramizah Wan Muhammad & Khairunnasriah Abdul Salam, 'Kejayaan Modal Insan dan Inovasi dalam Pentadbiran Mahkamah Syariah: Membina Model Antarabangsa,' *Jurnal Syariah*, vol. 27/1 (2019): 27-44.
- Surat Penting Ketua Pendaftar dan Pendaftar Tahun 2014 bertarikh 19 Jun 2014.
- Tajul Aris Ahmad Bustami, 'Bidangkuasa Mahkamah Syariah Dalam Kes Perwarisan: Satu Analisis Kritikal Ke Atas Kes Jumaaton Lwn Raja Hizaruddin', dalam *Kaedah Perundangan Bidangkuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, eds. Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal & Farid Sufian Shuaib (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007).
- Taqī al-Dīn Abī Bakr bin Muḥammad al-Ḥusaynī, *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥallī Ghāyah al-Ikhtiṣār* (Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2001).
- Wan Satirah Wan Mohd Saman & Abrar Haider, 'Electronic Court Records Management: A Case Study,' *Journal of e-Government Studies and Best Practices* (2012): 1-11.; DOI: 10.5171/2012.925115.
- Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang, 'Keabsahan dan Pemakaian Arahan Amalan dalam Pentadbiran Kehakiman dari Perspektif

Undang-Undang Syariah dan Sivil: Satu Perbandingan,' *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, vol. 33/1 (2021): 29-50.

Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, 'Kehakiman dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan,' *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*, vol. 1/2 (2016): 201-212.

Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, 'Profesionalisme Hakim Syarie di Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Penulisan Teks Alasan Penghakiman,' *Journal of Fatwa Management and Research*, vol. 27/4 (2022): 99-125.

Zulzaidi Mahmud & Ahmad Hidayat Buang, 'Wakalah Peguam Syarie Terhadap Permohonan Status Pengesahan Agama di Negeri Sarawak Berdasarkan Pendekatan Maqasid Al-Syariah,' dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan*, ed. Nasimah Hussin (Malaysia: JKSM & UIAM, 2021), 453-383.

Rujukan Kes

Ab. Kadir bin Ab. Majid lwn. Kamisah binti Kusnan [2016] 43(2) JH 226.

Abd. Razak bin Abd. Ghani lwn. Abd. Rahim bin Othman [2014] 39(1) JH 32.

Ahmad lwn. Aishah [1401H] I (I&II) Jernal Hukum 55-59.

Ahmad Tamyiz Bin Haji Mak Aris Noor Haslinda Binti Hussin lwn. Norashikin Binti Abu Bakar [2020] Jurnal Hukum Edisi Khas Sempena Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara Tahun 2020, 63-82.

Ahmad Tamyiz lwn. Norashikin [2020] Jurnal Hukum Edisi Khas, 75.

Irshath Ibrahim bin Mohamed Ali Jinnah lwn. Fahmida Ilyas binti Mohamad Ilya [2018] 46(2) JH 204.

Khadrishah bin Khalid lwn. Fadilah binti Othman [2016] 43(2) JH 266.

Mohamed lwn. Selamah [1402H] II (I&II) Jernal Hukum 95-96.

Sa'diah binti Hj. Tamin lwn. Zainal Arsyad bin Mohd Amin [2015] 41(2) JH 192.

Taib bin Omar lwn. Shuib bin Omar & 8 Orang lagi [2018] 46(1) JH 120.

Wan Maamor lwn. Cik Jah [1402H] II (I&II) Jernal Hukum 97-98.